

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Berikan dua urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am.


[2 markah]

- (b) Nyatakan jenis kesilapan tidak ketara bagi urus niaga berikut:

- Pulangan jualan RM200 kepada Jane telah direkodkan ke Akaun Janet.
- Belian tunai RM1 078 direkodkan sebagai RM1 087.

[2 markah]

- (c) Rajah berikut menunjukkan nisbah kewangan.



Apakah X dan Y?

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua sebab pembubaran perkongsian.

[2 markah]

- (e) Berikut adalah petikan maklumat daripada buku perakaunan Kelab Pancaragam SMK Avenue pada 31 Disember 2024.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran (petikan)			
	RM		RM
Baki b/b	4 550	Servis alat muzik	700
Yuran ahli	2 800	Elaun jurulatih	3 600

Hitung baki akhir bank.

[2 markah]

- 2 Imbangan Duga berikut diambil daripada Ekspres Alat Tulis dan Fotokopi yang menjalankan perniagaan menjual alat tulis dan menyediakan perkhidmatan mencetak kepada pelanggannya di Alor Setar, Kedah.

Imbangan Duga pada 31 Januari 2025

	RM	RM
Modal 1 Februari 2024		95 280
Inventori 1 Februari 2024	24 020	
Kenderaan (kos)	88 000	
Lengkapan (kos)	29 500	
Akaun Belum Terima	5 800	
Akaun Belum Bayar		10 420
Peruntukan hutang ragu		180
Pinjaman bank		36 000
Ambilan	500	
Susut nilai terkumpul kenderaan		16 720
Susut nilai terkumpulengkapan		2 950
Bank	47 650	
Tunai	1 870	
Belian	51 720	
Jualan		68 970
Hasil perkhidmatan fotostat		56 800
Pulangan belian		410
Faedah atas pinjaman	2 880	
Angkutan masuk	600	
Alat tulis	390	
Sewa	10 400	
Gaji	18 600	
Utiliti	4 800	
Belanja membaiki	1 000	
	<u>287 730</u>	<u>287 730</u>

Maklumat tambahan:

- i. Inventori pada 31 Januari 2025 ialah RM28 600.
- ii. Utiliti RM390 bagi bulan Januari belum dijelaskan.
- iii. Sewa yang dibayar termasuk RM800 bagi bulan Februari 2025.
- iv. Belian secara kredit RM500 telah didebitkan ke dalam Akaun Belum Bayar dan dikreditkan ke dalam Akaun Belian. Perkara ini belum dibetulkan.
- v. Pemilik mengambil inventori RM100 untuk kegunaan keluarga dan direkodkan sebagai alat tulis.
- vi. Menerima cek RM300 bagi hutang yang dihapuskan.
- vii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 4% atas Akaun Belum Terima.
- viii. Polisi susut nilai:
 - Kenderaan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
 - Lengkapan 5% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Januari 2025.

[13 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Januari 2025. (tunjukkan modal kerja)

[12 markah]

3 Azhar dan Maria ialah pekongsi dalam Perkongsian Azaria. Ikatan perjanjian telah menetapkan syarat-syarat berikut:

- i. Faedah atas modal ialah 5% setahun.
- ii. Faedah atas ambilan dikenakan 10% setahun.
- iii. Faedah atas pinjaman dibayar 8% setahun atas baki awal pinjaman.
- iv. Maria dibayar gaji RM6 000 setahun.
- v. Untung atau rugi akan diagihkan mengikut nisbah 3:2.

Baki pada 1 Mei 2024:

	Azhar	Maria
	RM	RM
Akaun Modal	60 000	40 000
Akaun Semasa	2 640	(435)
Pinjaman Azhar (matang April 2025)	6 000	-

Baki pada 30 April 2025:

	RM
Bank	9 255
Inventori	14 600
Lengkapan (nilai buku)	36 000
Kenderaan (nilai buku)	81 000
Akaun Belum Terima	21 325
Akaun Belum Bayar	15 675
Pinjaman bank (matang Oktober 2027)	25 000
Untung bersih	22 500

Maklumat tambahan:

i. Ambilan pekongsi adalah seperti berikut:

	Azhar	Maria
	RM	RM
1 Ogos 2024	1 000	-
1 November 2024	700	1 500

ii. Perkara-perkara berikut belum diambil kira semasa pengiraan untung bersih:

- a. Seorang pelanggan didapati mufliis dan hutangnya sebanyak RM800 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- b. Utiliti prabayar RM320.
- c. Faedah atas pinjaman pekongsi akan dikreditkan ke Akaun Semasa Azhar.
- d. Pinjaman bank RM30 000 diterima pada 1 November 2024 dengan kadar faedah 6% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira untung bersih terselaras bagi tahun berakhir 30 April 2025. [5 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2025. [5 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi. [7 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2025. [8 markah]

- 4 (a) Syarikat Mercu Berhad merupakan sebuah perniagaan yang menawarkan perkhidmatan sewa kenderaan. Modal syarikat pada 1 Mac 2021 adalah seperti berikut:

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

300 000 unit 5% Syer Keutamaan	RM600 000
800 000 unit Syer Biasa	RM800 000

Keuntungan syarikat bagi empat tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan RM
2021	40 000
2022	28 000
2023	48 000
2024	62 000

Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki mengira dividen akhir untuk 5% syer keutamaan dan syer biasa.

[8 markah]

- (b) Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Jeehan Trading.

	1 Julai 2025 RM	31 Julai 2025 RM
Akaun Belum Terima	10 542	
Akaun Belum Bayar	6 420	
Belian kredit		36 214
Jualan kredit		95 473
Pembayaran cek kepada pembekal		34 195
Penerimaan cek daripada pelanggan		79 863
Diskaun diberi		894
Diskaun diterima		658
Pindahan dari lejar jualan ke lejar belian		951
Hutang lapuk terpulih		550
Faedah dikenakan (akaun pelanggan yang tertunggak)		72
Hutang lapuk		473
Pulangan keluar		188

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Kawalan Belum Terima
- Akaun Kawalan Belum Bayar

[6 markah]

[6 markah]

- 5 (a) Saheera Sdn Bhd adalah pengeluar tudung yang beroperasi di Kuala Ketil, Kedah. Berikut adalah maklumat berkaitan anggaran kos pengeluaran bagi produk tersebut.

Tahun	Paras keluaran (unit)	Jumlah kos RM	Jumlah hasil RM
2023	4 000	75 000	120 000
2024	6 000	105 000	180 000

Kos tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki:

i. menghitung:

- (a) Kos berubah seunit [2 markah]
- (b) Jumlah kos tetap [2 markah]
- (c) Harga jualan seunit [2 markah]
- (d) Titik pulang modal (dalam unit) [2 markah]

ii. melakarkan graf Titik Pulang Modal

[5 markah]

(b) Berikut ialah petikan Imbangan Duga Kedai Runcit Azymee.

Kedai Runcit Azymee
Imbangan Duga pada 31 Disember 2024

	RM	RM
Kenderaan	68 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		12 920

Maklumat tambahan:

- Kenderaan disusut nilai 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- Pada 31 Disember 2024 kenderaan dijual secara tunai pada harga RM45 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- i. Akaun Kenderaan [1 markah]
- ii. Akaun Susut nilai terkumpul kenderaan [2 markah]
- iii. Akaun Pelupusan kenderaan [4 markah]



6 (a) Penyata Bank yang diterima oleh Irdina Enterprise bagi bulan berakhir 30 Jun 2025 menunjukkan baki RM18 298 manakala baki akaun bank di Buku Tunai ialah RM21 600. Perbezaan baki adalah disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i. Cek daripada Radzi sebanyak RM2 700 pada 2025 belum dikreditkan oleh bank.
- ii. Pada 26 Jun 2025, pihak bank telah membuat pembayaran premium insurans bagi pihak Irdina Enterprise berjumlah RM720.
- iii. Bank telah mengkreditkan akaun Irdina Enterprise dengan faedah atas simpanan tetap sebanyak RM120.
- iv. Sekeping cek bernilai RM646 yang dibayar kepada Rossa Mart telah dicatat dalam Buku Tunai sebagai RM664.
- v. Caj bank bernilai RM20 belum direkodkan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2025.
(tanpa mengemas kini Buku Tunai)

[7 markah]

(b) Puan Raisya menjalankan perniagaan Kedai Kasut Raisya yang beroperasi di Sungai Petani, Kedah. Berikut adalah baki-baki yang diambil daripada rekod perakaunannya pada 1 Mac 2025.

	RM
Bank	9 000
Tunai	2 700
Tunai Runcit	70
Akaun Belum Terima: Perniagaan Abdul	1 500
Akaun Belum Bayar: Perniagaan Tony	2 600

Dokumen-dokumen berikut menunjukkan urus niaga Kedai Kasut Raisya sepanjang bulan Mac 2025.

KERATAN CEK		
Tarikh	: 1 Mac 2025	
Penerima	: Kerani akaun	
Untuk	: Tunai Runcit	
	Ringgit	Sen
Baki akhir	9 000	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	9 000	00
Cek ini	180	00
Baki	8 820	00
MBB 125678		

Dokumen 1

ASAL

No: 0546

BIL TUNAI**Kedai Buku Syery**

No 112, Lorong Lagenda 12, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh : 5 Mac 2025

Kepada :

Kedai Kasut Raisya

No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit RM	Jumlah RM
1	Kertas A4	2	10.00	20.00
	Jumlah			20.00

(Ringgit : Dua puluh sahaja)

Tunai/ No. cek:

Syery
Pengurus

Dokumen 2

ASAL

No: 0234

RESIT RASMI**Kedai Perabot Mewah**

No 21, Jalan 2/1, Taman Seruling,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh : 7 Mac 2025

Diterima daripada : **Kedai Kasut Raisya**

Ringgit Malaysia : Dua ribu lima ratus sahaja

Bayaran untuk : Rak pameran bertingkat

RM2 500

Tunai/ No. cek: MBB 125679

Siti
Pengurus

Dokumen 3

SALINAN

No: 0034

RESIT RASMI

Kedai Kasut Raisya

No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh : 10 Mac 2025

Diterima daripada : Perniagaan Abdul

Ringgit Malaysia : Satu ribu empat ratus sahaja
(diskaun tunai RM100)

Bayaran untuk : Menjelaskan hutang

RM1 400

Tunai/ No. cek: RHK 155110

Raisya

Pengurus

Dokumen 4

No: 0223

BAUCAR TUNAI RUNCIT

Kedai Kasut Raisya

No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh: 14 Mac 2025

Keterangan	Jumlah RM
Baiki lampu kedai	45

(Ringgit: Empat puluh lima sahaja)

Tunai/No. cek :

Ahmad

Penerima

Raisya

Pengurus

Dokumen 5

ASAL

No: 1456

BIL TUNAI
Shoe Best Enterprise
No 45, Jalan Kasturi,
20500 Pendang, Kedah.

Tarikh: 15 Mac 2025

Kepada :

Kedai Kasut Raisya

No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit RM	Jumlah RM
1	Kasut kulit lelaki	10	105.00	1 050.00
	Jumlah			1 050.00

(Ringgit : Seribu lima puluh sahaja)

Tunai/ No. cek: MBB 125680

Borhan
Pengurus

Dokumen 6

SALINAN

No: 0345

BIL TUNAI
Kedai Kasut Raisya
No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh: 20 Mac 2025

Kepada:

Alimin Hadi

32, Lorong Inang 2, Taman Ria Jaya,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit RM	Jumlah RM
1	Kasut sukan	5	180.00	900.00
	Jumlah			900.00

(Ringgit : Sembilan ratus sahaja)

Tunai/ No. cek :

Raisya
Pengurus

Dokumen 7

No: 0998

BAUCAR PEMBAYARAN

Kedai Kasut Raisya

No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh : 25 Mac 2025

Keterangan	RM
Gaji bulan Mac 2025	1 500

(Ringgit : Satu ribu lima ratus sahaja)

Tunai/No. Cek: MBB 125681

Hamidah

Penerima

Raisya

Pengurus

Dokumen 8

No: 0224

BAUCAR TUNAI RUNCIT

Kedai Kasut Raisya

No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh : 26 Mac 2025

Keterangan	Jumlah RM
Bungkusan pos	15

(Ringgit: Lima belas sahaja)

Tunai/No. cek:

Ahmad

Penerima

Raisya

Pengurus

Dokumen 9

SLIP DAFTAR TUNAI
Fong Lian Stationery
 No 12, Lorong Permata,
 08000 Sungai Petani, Kedah.
 04-4568790

Tarikh : 26 Mac 2025

Butiran	Harga seunit RM	Unit	Jumlah RM
Kunci kabinet	4.00	1	4.00
Kunci mangga	12.00	1	12.00
Jumlah			16.00

(Ringgit : Enam belas sahaja)
 Tunai/ No. cek :

Marsita
 Pengurus

Dokumen 10

MEMO
Kedai Kasut Raisya
 No 3, Jalan Lagenda 5, Lagenda Height,
 08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh : 31 Mac 2025

Pemilik mengambil wang tunai perniagaan RM300 untuk kegunaan keluarga.

Raisya
 Pengurus

Dokumen 11

Berdasarkan dokumen-dokumen perniagaan yang diberi, **anda dikehendaki** menyediakan:

i. Buku Tunai [7 markah]

ii. Buku Tunai Runcit (dengan menunjukkan lajur alat tulis, belanja pejabat dan belanja pos)

[6 markah]

MODUL TAMAT